

Cadangan hapus skim pencen perlu dilihat dari sudut positif

Bakal Pesara,
Putrajaya

Saya berasa terpanggil untuk turut sama memberi pandangan berkaitan isu yang agak panas ketika ini, iaitu mengenai cadangan menamatkan bayaran pencen kepada penjawat awam. Sudah tentu bagi saya yang sudah bekerja dalam sektor awam lebih 20 tahun terkejut apabila mendengar berita seperti ini.

Saya pasti kebanyakannya penjawat awam lain turut terkejut dengan cadangan itu. Selama ini penjawat awam sangat sinonim dengan kehidupan berpengen selepas menamatkan perkhidmatan. Namun, apabila muncul cadangan skim persaraan akan ditamatkan dan diganti dengan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ia menimbulkan polemik tidak berkesudahan.

Namun, perlu diingat ia baru pada peringkat cadangan, maksudnya masih dalam kajian dan perhatian. Bagaimanapun, kita maklum antara sebab cadangan itu dibuat adalah bagi mengelak kerajaan berhadapan bebanan getir menyediakan peruntukan sekitar RM32 bilion setahun sebagai kos membayar pencen kepada pesara kerajaan.

Pengiraan rawak yang diunjurkan sebagai persediaan menjelang 2040, jumlah peruntukan yang bakal disediakan kerajaan untuk membayar pencen pesara sektor awam adalah dalam anggaran RM120 bilion setahun.

Sebagai seorang rakyat Malaysia, apatah lagi mereka yang berada dalam lingkungan usia 40-an atau 50-an, kita berpengalaman memperlihat ekonomi negara sering menjadi tidak menentu. Keadaan prestasi ekonomi negara kerap terjejas akibat faktor dalaman dan luaran, terutama tembusan pergolakan ekonomi dunia.

Justeru, cadangan kerajaan mengubah skim pencen kepada caruman KWSP untuk masa akan datang terhadap penjawat awam baharu, dianggap sangat relevan. Mengikut perangkaan 2021, jumlah penjawat awam adalah seramai 1.7 juta orang, manakala pekerja swasta pula 8.53 juta. Angka itu menunjukkan jurang yang sangat jauh.

Namun, kita tidak pernah mendengar mengenai

rungutan atau keluhan daripada kumpulan pekerja swasta yang menerima caruman KWSP dan mereka ternyata menikmati skim itu pada usia 55 tahun menerusi pelbagai kaedah pengeluaran.

Pekerja swasta tak mengeluh

Selama ini tidak pernah pun kita dengar ada desakan kumpulan pekerja swasta atau kesatuan sekerja swasta mendakwa skim persaraan menerusi KWSP yang dinikmati mereka dianggap kurang baik berbanding pencen bulanan sektor awam.

Sudah tiba masanya pekerja sektor awam diberi peluang menikmati persaraan KWSP kerana lebih menjamin perancangan kewangan setiap pesara

Tidak pernah juga kita mendengar pihak pekerja swasta merungut atau meluahkan sesuatu yang negatif kerana terpaksa mengikuti skim persaraan menerusi simpanan di KWSP.

Apa yang membezakan penjawat awam dan swasta adalah sebahagian besar kita berasa lebih selamat kerana adanya jaminan pencen selepas bersara. Selagi kita menjaga disiplin kerja dan tidak melanggar peraturan atau undang-undang, maka selamat bersara dengan kelayakan mendapat pencen bulanan iaitu jumlah separuh daripada gaji terakhir.

Lebih-lebih lagi bekerja di sektor awam mem-

punyai banyak faedah dari aspek imbuhan lain seperti kemudahan pinjaman, bayaran gratuiti atau ganjaran sebaik saja bersara, selain kos perubatan dan pelbagai eluaun.

Namun, apabila ada rakan atau saudara mara yang bekerja di sektor swasta berpeluang menerima wang simpanan caruman dengan jumlah begitu banyak sehingga ada yang mencapai RM1 juta apabila bersara, saya berasaskan betapa untungnya jadi pekerja swasta.

Ia adalah 'duit pencen' yang diperoleh hasil caruman mereka selama bekerja di sektor swasta, iaitu pekerja dan majikan masing-masing mencarum dalam KWSP.

Inilah kelebihan diperoleh pekerja swasta apatah lagi wang dalam KWSP pula dilaburkan dan setiap tahun diberi dividen dalam jumlah yang memuaskan. Hal ini tidak berlaku pada penjawat awam, kita sekadar menunggu hari persaraan untuk menikmati pencen bulanan, selain gratuiti.

Dalam konteks pekerja swasta, apabila mendapat jumlah 'duit bersara' dalam kadar besar sebegitu, ia lebih berkesan untuk mereka merancang ekonomi keluarga, masa depan atau membuat simpanan selamat, termasuk mendapatkan dividen menerusi pelaburan lain yang sah.

Sebagai penjawat awam, saya selalu berasaskan kenapa ia tidak diwajibkan kepada pekerja di sektor kerajaan? Sudah tiba masanya pekerja sektor awam diberi peluang menikmati persaraan KWSP kerana lebih menjamin perancangan kewangan setiap pesara.

Wang gratuiti atau ganjaran yang diperoleh tidak mungkin mampu untuk memenuhi tujuan ini kerana ia lebih digunakan bagi melangsungkan hutang-piutang sejurus bersara.

Saya berpendapat berdasarkan suasana semasa dan persekitaran ekonomi dunia masa kini, adalah relevan penjawat awam yang baharu diambil bekerja diberi peluang menikmati skim caruman KWSP, selaras keistimewaan dan kelebihan yang diperoleh pekerja sektor swasta.